

## SLANGA DALAM NOVEL “KELABU” KARYA NADIA KHAN

ROSSLIANA ROSLAN

Universiti Kebangsaan Malaysia

rosslianaroslan889@gmail.com

SA’ADIAH MA’ALIP\*

Universiti Kebangsaan Malaysia

adia@ukm.edu.my

\* Pengarang Perantara

### ABSTRAK

Makalah ini membincangkan fenomena bahasa slanga yang telah mengalami perkembangannya yang tersendiri. Seiring dengan masa, penggunaan bahasa slanga telah digunakan dalam bentuk tulisan, terutamanya dalam novel bebas. Slanga boleh dimaksudkan dengan bahasa yang tidak formal dan dapat mewakili satu-satu kelompok. Kajian ini dijalankan berdasarkan petikan daripada Awang Sarian (2021) yang berpendapat bahawa bahasa slanga mencemarkan imej bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, pemfokusan kajian ini berasaskan novel *Kelabu* karya Nadia Khan. Antara aspek yang menjadi tumpuan pengkaji ialah makna dan kelas kata data slanga yang digunakan dalam novel tersebut. Tambahan lagi, pengkaji juga meneliti kesan penggunaan bahasa slanga dalam novel terhadap mutu dan kedaulatan bahasa Melayu. Bagi mengutip data slanga yang dikehendaki, maka pendekatan campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif dilaksanakan. Pengkaji telah memperoleh variasi data slanga dan telah memecahkan kepada tiga domain dalam kelas kata iaitu kata nama, kata ganti nama, kata kerja, dan kata adjektif, bersama dengan penghuraian makna bagi data slanga tersebut. Seterusnya, kajian ini juga dijalankan berdasarkan penggunaan borang soal selidik *Google Form* secara rawak terhadap golongan umur antara 19 hingga 27 tahun. Penggunaan soal selidik untuk mengutip data, dan mengenal pasti tahap kesedaran responden terhadap penggunaan bahasa slanga dalam pengkajian novel bebas. Hasil daripada pemerolehan data, pengkaji telah memperoleh 66 orang responden. Selain itu, himpunan data yang diperoleh dianalisis menggunakan *SPSS Statistic* bagi mendapatkan jumlah persetujuan responden dan peratusan penggunaan slanga dalam 15 bab secara keseluruhan novel. Oleh itu, berdasarkan pemerolehan maklumat dan penganalisisan data, maka kajian ini akan menghuraikan makna slanga yang digunakan dalam novel *Kelabu* berserta kesan penggunaannya terhadap mutu bahasa Melayu juga dapat dikenal pasti.

**Kata kunci:** bahasa Melayu; sosiolinguistik; slanga; novel bebas; golongan muda

### SLANG IN KELABU NOVEL BY NADIA KHAN

### ABSTRACT

The phenomenon of slang has undergone its own development. Over time, the use of slang language has been used in written form, especially in indie novels. Slang identifies informal language and it can be a representation of certain groups. This study was conducted based on

excerpts from Dato Dr. Awang Sarian (2021) who argued that slang language tarnishes the image of the Malay language. The focus of this study is based on Nadia Khan's novel 'Kelabu'. Among the focused aspects by the researcher is the description of definition and also slang data word class used in the novel. In addition, the researcher also examined the effect slang usage in the novel on the quality and sovereignty of the Malay language. In order to collect the required data, a mixed approach of qualitative and quantitative was implemented. Researchers acquired variations of the slang data and have broken it down into four words domains namely namely nouns, pronouns, verbs, and adjectives, along with the elaboration of the definition of the slang data. Next, this study was also conducted based on a questionnaire (Google Form) filled up by a randomly picked group age between 19 to 27 years old. The use of questionnaires to collect data, and identify the level of awareness of respondents towards the use of slang language in novel writing. As a result of the data acquisition, the researcher obtained 66 respondents. In addition, the data set obtained was analyzed using SPSS Statistics to respondents and percentage of slang usage in 15 chapters from the novel. Therefore, based on the acquisition of the information and data analysis concluded a description of the definition of the slang used in the novel, and the effect of its use on the quality of the Malay language can be identified.

**Keywords:** *Malay; Sociolinguistic; slang; indie novel; youth*

## PENGENALAN

Seiring dengan perkembangan zaman, komunikasi juga melalui perkara yang sama. Umumnya, manusia berinteraksi antara satu sama lain bagi penyampaian maklumat, bersosial, dan sebagainya. Tidak dinafikan bahasa itu mempunyai keunikannya yang tersendiri. Menurut Tri Wiratno (2014) bahasa ialah alat untuk manusia berkomunikasi dalam masyarakat. Hal ini kerana suatu bahasa boleh terikat dengan aturan sosial yang berlaku dalam ujaran manusia. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa bahasa ini sebenarnya luas konteksnya. Seiring dengan perkembangan semasa, maka berlakunya revolusi bahasa yang mana munculnya bahasa baru selaras dengan kewujudan istilahnya. Antara bahasa yang muncul dalam perkembangan bahasa ialah bahasa slanga.

Bahasa slanga mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Menurut McArthur (1996), istilah slanga ini telahpun digunakan dari abad ke-18. Beliau menyifatkan bahasa slanga ini sebagai *origin uncertain* atau dikenali sebagai ketidaktentuan asal bahasa. Menurut Kamus Dewan Edisi ke-4, slanga ialah kata-kata, ungkapan, dan seumpama dengannya yang tidak tergolong dalam bahasa baku atau bahasa tinggi tetapi lazim digunakan dalam percakapan tidak rasmi. Menurut Ibrahim Ahmad (2002) pula, slanga atau nama lainnya bahasa kutu ialah ungkapan yang tergolong dalam bahasa tidak rasmi, tidak baku, atau bersifat musiman. Tambahan beliau, bahasa tersebut biasanya digunakan oleh golongan remaja atau kelompok sosial tertentu bagi tujuan komunikasi. Sememangnya diketahui, bahasa slanga menjadi bahasa komunikasi antara satu-satu kelompok. Keunikan bahasa ini berdasarkan kewujudan istilah yang diterimapakai bagi satu-satu kelompok sebagai bahasa rahsia. Hal ini kerana hanya segelintir sahaja yang memahami maksud bagi perkataan atau istilah tersebut.

Golongan yang menjadi sinonim terhadap penggunaan bahasa slanga ialah golongan muda berbanding dengan golongan yang lebih berusia. Mereka mencipta dan menggunakan istilah slanga yang tidak pernah wujud dalam kamus bahasa Melayu. Golongan inilah juga yang telah mempopularkan penggunaan bahasa tersebut. Antaranya istilah slanganya ialah *cun, siak,*

*makwe, pakwe, slenge*, dan sebagainya. Penggunaan kata-kata slanga dalam perbualan harian dalam satu-satu kelompok menjadikan bahasa itu kelihatan eksklusif di samping membentuk identiti kumpulan tersebut. Perkembangan masa juga telah menjadi penyebab kepada penggunaan slanga dalam pengkajian novel. Dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan kata slanga ini hanya tertumpu pada komunikasi sahaja malahan ia telah merebak kepada pengkajian. Bukti, sehingga kini terdapat variasi novel bebas yang menggunakan bahasa slanga dalam penyampaian jalan cerita kepada pembaca. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan penggunaan slanga dalam novel serta kesannya terhadap mutu dan kedaulatan bahasa Melayu.

## SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian ialah lakuan penelitian terhadap kajian-kajian yang telah diterbitkan. Kosa ilmu juga dianggap sebagai satu elemen yang sangat dituntut dalam memberikan penjelasan bagi membantu pengkaji dengan kajian yang dijalankan (Bahar Sale 2015). Kajian ini yang memberi fokus terhadap bidang sosiolinguistik iaitu mengenai slanga yang terdapat dalam novel *Kelabu* karya Nadia Khan (2011). Kajian lepas yang dipilih mempunyai hubungan dengan kajian semasa dari segi signifikan, kurang signifikan dan kajian umum. Selain itu juga, perlaksanaan kosa ilmu dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan pertalian kajian lepas, dengan kajian semasa pengkaji. Penelitian terhadap kajian lepas yang signifikan ialah kajian yang secara langsung membincangkan mengenai bahasa slanga yang kerap kali digunakan dalam novel bebas.

Berdasarkan penelitian daripada kajian terdahulu, didapati bahawa slanga yang digunakan dalam pengkajian belum mendapat perhatian sewajarnya berbanding dengan slanga yang digunakan dalam pertuturan. Oleh itu, terdapat beberapa kajian yang mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan. Penelitian kajian-kajian ini daripada pelbagai aspek diharapkan mampu mengisi kelomongan kajian lepas. Penelitian slanga dalam novel juga telah dilakukan oleh pengkaji tempatan dan juga antarabangsa. Antara kajian lepas yang diteliti ialah Nasihah Hashim (2016), NorFaiszah Arbain (2017), Mohd Syuhaidi Abu Bakar (2019), Tuti Alawiyah (2017), Sholekhah & Resti Priwiani Aminatul (2019).

Naiyah Hahim, Ainal Akhmar Ahmad, Noor Aida Mahmor & Maizatul Azura Yahya (2016) meneliti daripada segi penggunaan slanga dalam novel kanak-kanak. Subjek bagi kajian ini juga telah memfokuskan kepada golongan kanak-kanak yang sememangnya mempunyai minda yang segar dan sentiasa berhubung, membentuk pengajaran yang sesuai pada peringkat umur. Pernyataan ini juga bersesuaian dengan peranan slanga, iaitu sebagai ekspresi kelompok masyarakat yang beridentiti. Kewujudan tersebut telah mewujudkan dialog kolokial, serta menggalakkan penuturnya bersifat lebih kreatif ketika berbahasa, (Drake, 1980). Seterusnya, kajian ini telah mendakwa bahawa bahasa slanga boleh menjelaskan perkembangan pembelajaran bahasa Melayu standard. Terdapat beberapa kata slanga yang digunakan pengkaji, iaitu *baby kiut, terer, jeles, otak*, dan juga kategori kata ganti nama (*korang, diorang, kitorang*). Kajian ini juga telah menyenaraikan tiga fungsi utama bahasa slanga, yang diaplikasikan dalam pengkajian komik kanak-kanak. Pertama ialah kata slanga merujuk kepada kata ganti nama (KGN) diri orang iaitu pengkaji mengantikan KGN slanga sebagai penandaan yang merujuk kepada perorangan. Datanya ialah (*diorang, kitorang, bro, gua, dan korang*). Kedua, kata slanga adalah untuk memudahkan ekspresi. Ekspresi yang dimaksudkan ialah sebagai rangkai kata yang dipermudahkan sebutannya. Sebagai contoh, perkataan *pastu* yang merujuk kepada rangkai kata ‘*selepas itu*’. Dengan erti kata lain, bahasa slanga menjadi bahasa mudah kerana terdapat berlakunya pemendekkan dan penggabungan dua kata menjadi satu perkataan. Akhir sekali, kata slanga ialah kata yang dipengaruhi bahasa asing. Perkataan-perkataan tersebut diambil daripada bahasa asing, namun dieja mengikut rumus bahasa

Melayu.

NorFaiszah Arbain & Sa'adiah Ma'alip (2017) meneliti fenomena penggunaan generasi Y yang mana ianya melibatkan penggunaan bahasa bagi golongan tersebut. Kajian ini dilaksanakan bagi menilai sejauh manakah tahap pengaplikasikan bahasa yang bersumberkan bahan tulisan. Seiring dengan masa, bahasa slanga yang popular dan kerap digunakan pada SMS, dan di media sosial seperti *Facebook*, *Whatsapp*, dan sebagainya. Di samping itu, kajian tersebut juga telah mempersempitkan data seperti '*kantoi*' yang membawa maksud 'pecah tembelang' atau sesuatu perancangan yang dilakukan secara senyap telah gagal. Seterusnya, '*awek cun*' yang merujuk kepada perempuan cantik. Data yang terdapat dalam kajian ini juga didapati mempunyai perkataan bahasa slanga yang 'dimelayukan'. Pernyataan ini membawa maksud bahawa ada perkataan yang asalnya daripada bahasa lain telah diasimilasikan dengan bahasa Melayu. Antaranya ialah perkataan '*tackle*' disesuaikan menjadi '*tekel*' iaitu mengikut ejaan dan sebutan bahasa Melayu yang bermaksud mengurat. Selain daripada itu, terdapat juga kata slanga yang dikategorikan di bawah 'singkatan bahasa Inggeris' iaitu '*dunno*'. Perkataan '*dunno*' ini berasal daripada perkataan Inggeris yang terdiri daripada dua perkataan iaitu '*don't know*' (tidak tahu). Oleh itu, jelas di sini, bahasa slanga mempunyai variasinya yang tersendiri termasuklah kata daripada singkatan bahasa lain, kesat, lucah, dan sebagainya.

Selain itu, Mohd & Norsyafizza Ahmad Tarmizi (2019) telah meletakkan dakwaan slanga boleh mendorong berlakunya kejutan budaya. Keadaan ini juga sememangnya boleh menjelaskan nilai agama, pengaruh budaya timur, dan menimbulkan sensitiviti penduduk tempatan. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah menyenaraikan kewujudan indie dan perkembangannya. Antaranya ialah melalui bahasa dan pengkajian. Penggunaan bahasa slanga dalam novel merupakan revolusi bagi bidang pengkajian. Berbeza dengan pengkajian dahulu, pengkaji buku hanya mengaplikasikan kata-kata yang lebih sopan, teratur, berbunga-bunga, serta menggunakan struktur tatabahasa dengan betul. Kajian ini juga telah menyerahkan pernyataan yang mana karya indie mengabai nilai bahasa. Ada pelbagai reaksi daripada orang ramai, terutamanya ahli akademik yang menganggap bahasa slanga tidak menitikberatkan nilai bahasa itu sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa pihak yang memandang positif mengenai penggunaan slanga dalam karya pengkajian. Mereka menganggap bahasa slanga dalam pengkajian, terutamanya dalam novel ini menjadi medium seseorang itu untuk lebih berkarya. Sebagai contoh bagi data slanga yang menjadi kebiasaan dalam penggunaan dalam pengkajian novel ialah, '*kantoi*', '*je*', '*kitorang*', dan sebagainya.

Tuti Alawiyah (2017) mempunyai tanggapan yang berbeza dengan perkembangan bahasa slanga jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain. Hal ini kerana setiap hari manusia telah menemui pelbagai perkataan dan istilah baru yang boleh dikaitkan dalam satu-satu situasi. Selain itu, slanga juga boleh dikategorikan sebagai variasi bahasa yang acapkali digunakan oleh remaja. Pernyataan ini selaras dengan pendapat Holmes (1992). Beliau berpandangan bahasa slanga merupakan corak bahasa yang digunakan remaja. Pengkaji juga menyatakan bahasa slanga digunakan remaja di seantero dunia. Keadaan ini telah menunjukkan fungsi yang sama iaitu memendekkan ayat, dan menjadikan ayat tersebut lebih mudah untuk diujarkan. Terdapat beberapa data yang telah disenaraikan dalam kajian ini. Antaranya ialah *Gimmie* yang merujuk kepada *Give me* dan *Talkin 'bout* iaitu perkataan penuhnya *Talking about*. Pengkaji telah menyatakan *gimmie* adalah pengharmonian penggabungan dua perkataan dan membentuk satu bunyi baru. Sebaliknya, bagi perkataan *talkin 'bout* merupakan pengguguran di akhir dan awal aksara. Keadaan ini menunjukkan bahasa slanga dalam cerita ini memegang peranan sebagai bahasa mesra yang digunakan dalam watak-watak Zootopia dalam berkomunikasi. Pembuktian data yang memendekkan perkataan boleh menjadi bukti bahawa bahasa slanga berperanan untuk memendekkan ayat dan menjadikan ayat tersebut mudah untuk diujarkan.

Kajian oleh Thobias Sarbunan (2020) memberi fokus kepada satu perkataan iaitu 'Anjay' yang mana secara dasarnya ianya menjadi polisme. Menurut pengkaji, penggunaan bahasa

slanga ini lebih menyerlah digunakan oleh golongan muda sebagai cara berkomunikasi dalam bersosial. Pengaplikasian slanga dalam kehidupan harian telah menjadi simbol kepada kebebasan bertutur, trend pengujaran, keunikan dalam satu-satu kelompok masyarakat, dan kehidupan moden. Kesemua faktor tersebut telah mempengaruhi penggunaan perkataan slanga. Di samping itu, kajian juga mendapat pengguna perkataan tersebut berasa selesa menuturkannya, malahan ada juga penutur yang menjadikan '*Anjay*' sebagai bahan lawak. Selain daripada itu juga, segelintir masyarakat Indonesia terutamanya golongan muda menggunakan perkataan '*Anjay*' yang mana ianya dipersembahkan sebagai keseronokan, kegirangan, dan sesuatu yang normal untuk diujarkan. Antaranya, slanga ialah bahasa yang dipendekkan dan bersifat dinamik. Selain itu, bahasa slanga juga dianggap sebagai simbol kebebasan berbahasa.

Kajian Norshahira Mohd Ghazali & Nur Nabilah Abdullah (2021) mengkaji bahasa slanga di media sosial oleh golongan muda di Malaysia, menurut perspektif sosiolinguistik. Peningkatan bilangan golongan muda sebagai pengguna media sosial telahpun berjaya membentuk komuniti maya terbesar di dunia. Keadaan inilah yang menjadi kemunculan penggunaan bahasa slanga di internet sebagai bentuk linguistik baharu dalam komunikatif rangkaian sosial kini. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji jenis dan fungsi penggunaan slanga di Twitter dan TikTok dalam kalangan belia Malaysia. Hasil kajian ini, pengkaji telah menemui sebanyak 17 data slanga yang mana lapan daripadanya adalah slanga primer, dan selebihnya ialah slanga sekunder. Kajian juga telah mendapat bahawa golongan muda di Malaysia menggunakan bahasa tersebut di media sosial adalah untuk menyampaikan sesuatu dengan cepat dan berkomunikasi secara rahsia.

Pengkaji telah menyenaraikan mengenai rujukan bahasa slanga. Pengkaji juga telah membahagikan hasil data tersebut mengikut kategori iaitu slanga primer dan juga slanga sekunder. Terdapat lapan data yang diperoleh. Antaranya ialah *tapau*, *bapak*, *geez*, *syok*, *koyak*, *gostan*, *payung*, dan *pishang*. Himpunan data slanga primer ini diperoleh berdasarkan pemerhatian dan penelitian pengkaji di media sosial seperti *TikTok* dan *Twitter*. Antara data slanga sekunder yang diperoleh ialah *bocah*, *noob*, *cable*, *boss*, *GGWP*, *sia*, *Se7*, *lincah*, dan *kerek*. Misalnya perkataan *bocah* yang dilabel sebagai slanga sekunder. Hanya sebilangan sahaja yang memahami perkataan tersebut iaitu seperti komuniti permainan atas talian. *Bocah* bermaksud perkataan yang digunakan oleh pemain permainan atas talian sebagai sindiran kepada pemain lain.

Sorotan kajian ialah lakukan penelitian terhadap kajian-kajian yang telah diterbitkan. Kosa ilmu juga dianggap sebagai satu elemen yang sangat dituntut dalam memberikan penjelasan bagi membantu pengkaji dengan kajian yang dijalankan (Bahar Sale 2015). Kajian ini yang memberi fokus terhadap bidang sosiolinguistik iaitu mengenai slanga yang terdapat dalam novel *Kelabu* karya Nadia Khan (2011). Kajian lepas yang dipilih mempunyai hubungan dengan kajian semasa dari segi signifikan, kurang signifikan dan kajian umum. Selain itu juga, perlaksanaan kosa ilmu dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan pertalian kajian lepas, dengan kajian semasa pengkaji. Penelitian terhadap kajian lepas yang signifikan ialah kajian yang secara langsung membincangkan mengenai bahasa slanga yang kerapkali digunakan dalam novel bebas.

Berdasarkan penelitian daripada kajian terdahulu, didapati bahawa slanga yang digunakan dalam pengkajian belum mendapat perhatian sewajarnya berbanding dengan slanga yang digunakan dalam pertuturan. Oleh itu, terdapat beberapa kajian yang mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan. Penelitian kajian-kajian ini daripada pelbagai aspek diharapkan mampu mengisi kelompongkan kajian lepas. Penelitian slanga dalam novel juga telah dilakukan oleh pengkaji tempatan dan juga antarabangsa. Antara kajian lepas yang diteliti ialah Nasihah Hashim (2016), NorFaiszah Arbain (2017), Mohd Syuhaidi Abu Bakar (2019), Tuti Alawiyah (2017), Sholekhah & Resti Priwiani Aminatul (2019).

Naiyah Hahim, Ainal Akhmar Ahmad, Noor Aida Mahmor & Maizatul Azura Yahya (2016) meneliti daripada segi penggunaan slanga dalam novel kanak-kanak. Subjek bagi kajian ini juga telah memfokuskan kepada golongan kanak-kanak yang sememangnya mempunyai minda yang segar dan sentiasa berhubung, membentuk pengajaran yang sesuai pada peringkat umur. Pernyataan ini juga bersesuaian dengan peranan slanga, iaitu sebagai ekspresi kelompok masyarakat yang beridentiti. Kewujudan tersebut telah mewujudkan dialog kolokial, serta menggalakkan penuturnya bersifat lebih kreatif ketika berbahasa, (Drake, 1980). Seterusnya, kajian ini telah mendakwa bahawa bahasa slanga boleh menjelaskan perkembangan pembelajaran bahasa Melayu standard. Terdapat beberapa kata slanga yang digunakan pengkaji, iaitu *baby kiut, terer, jeles, otak*, dan juga kategori kata ganti nama (*korang, diorang, kitorang*). Kajian ini juga telah menyenaraikan tiga fungsi utama bahasa slanga, yang diaplikasikan dalam pengkajian komik kanak-kanak. Pertama ialah kata slanga merujuk kepada kata ganti nama (KGN) diri orang iaitu pengkaji mengantikan KGN slanga sebagai penandaan yang merujuk kepada perorangan. Datanya ialah (*diorang, kitorang, bro, gua, dan korang*). Kedua, kata slanga adalah untuk memudahkan ekspresi. Ekspresi yang dimaksudkan ialah sebagai rangkai kata yang dipermudahkan sebutannya. Sebagai contoh, perkataan *pastu* yang merujuk kepada rangkai kata '*selepas itu*'. Dengan erti kata lain, bahasa slanga menjadi bahasa mudah kerana terdapat berlakunya pemendekkan dan penggabungan dua kata menjadi satu perkataan. Akhir sekali, kata slanga ialah kata yang dipengaruhi bahasa asing. Perkataan-perkataan tersebut diambil daripada bahasa asing, namun dieja mengikut rumus bahasa Melayu.

NorFaiszah Arbain & Sa'adiah Ma'alip (2017) meneliti fenomena penggunaan generasi Y yang mana ianya melibatkan penggunaan bahasa bagi golongan tersebut. Kajian ini dilaksanakan bagi menilai sejauh manakah tahap pengaplikasikan bahasa yang bersumberkan bahan tulisan. Seiring dengan masa, bahasa slanga yang popular dan kerap digunakan pada SMS, dan di media sosial seperti *Facebook, Whatsapp*, dan sebagainya. Di samping itu, kajian tersebut juga telah mempersempitkan data seperti '*kantoi*' yang membawa maksud 'pecah tembelang' atau sesuatu perancangan yang dilakukan secara senyap telah gagal. Seterusnya, '*awek cun*' yang merujuk kepada perempuan cantik. Data yang terdapat dalam kajian ini juga didapati mempunyai perkataan bahasa slanga yang 'dimelayukan'. Pernyataan ini membawa maksud bahawa ada perkataan yang asalnya daripada bahasa lain telah diasimilasikan dengan bahasa Melayu. Antaranya ialah perkataan '*tackle*' disesuaikan menjadi '*tekel*' iaitu mengikut ejaan dan sebutan bahasa Melayu yang bermaksud mengurat. Selain daripada itu, terdapat juga kata slanga yang dikategorikan di bawah 'singkatan bahasa Inggeris' iaitu '*dunno*'. Perkataan '*dunno*' ini berasal daripada perkataan Inggeris yang terdiri daripada dua perkataan iaitu '*don't know*' (tidak tahu). Oleh itu, jelas di sini, bahasa slanga mempunyai variasinya yang tersendiri termasuklah kata daripada singkatan bahasa lain, kesat, lucah, dan sebagainya.

Selain itu, Mohd & Norsyafizza Ahmad Tarmizi (2019) telah meletakkan dakwaan slanga boleh mendorong berlakunya kejutan budaya. Keadaan ini juga sememangnya boleh menjelaskan nilai agama, pengaruh budaya timur, dan menimbulkan sensitiviti penduduk tempatan. Oleh hal yang demikian, pengkaji telahpun menyenaraikan kewujudan indie dan perkembangannya. Antaranya ialah melalui bahasa dan pengkajian. Penggunaan bahasa slanga dalam novel merupakan revolusi bagi bidang pengkajian. Berbeza dengan pengkajian dahulu, pengkaji buku hanya mengaplikasikan kata-kata yang lebih sopan, teratur, berbunga-bunga, serta menggunakan struktur tatabahasa dengan betul. Kajian ini juga telah menyerlahkan pernyataan yang mana karya indie mengabai nilai bahasa. Ada pelbagai reaksi daripada orang ramai, terutamanya ahli akademik yang menganggap bahasa slanga tidak menitikberatkan nilai bahasa itu sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa pihak yang memandang positif mengenai penggunaan slanga dalam karya pengkajian. Mereka menganggap bahasa slanga dalam pengkajian, terutamanya dalam novel ini menjadi medium seseorang itu untuk

lebih berkarya. Sebagai contoh bagi data slanga yang menjadi kebiasaan dalam penggunaan dalam pengkajian novel ialah, ‘*kantoi*’, ‘*je*’, ‘*kitorang*’, dan sebagainya.

Tuti Alawiyah (2017) mempunyai tanggapan yang berbeza dengan perkembangan bahasa slanga jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain. Hal ini kerana setiap hari manusia telah menemui pelbagai perkataan dan istilah baru yang boleh dikaitkan dalam satu-satu situasi. Selain itu, slanga juga boleh dikategorikan sebagai variasi bahasa yang acapkali digunakan oleh remaja. Pernyataan ini selaras dengan pendapat Holmes (1992). Beliau berpandangan bahasa slanga merupakan corak bahasa yang digunakan remaja. Pengkaji juga menyatakan bahasa slanga digunakan remaja di seantero dunia. Keadaan ini telah menunjukkan fungsi yang sama iaitu memendekkan ayat, dan menjadikan ayat tersebut lebih mudah untuk diujarkan. Terdapat beberapa data yang telah disenaraikan dalam kajian ini. Antaranya ialah *Gimmie* yang merujuk kepada *Give me* dan *Talkin 'bout* iaitu perkataan penuhnya *Talking about*. Pengkaji telah menyatakan *gimmie* adalah pengharmonian penggabungan dua perkataan dan membentuk satu bunyi baru. Sebaliknya, bagi perkataan *talkin 'bout* merupakan pengguguran di akhir dan awal aksara. Keadaan ini menunjukkan bahasa slanga dalam cerita ini memegang peranan sebagai bahasa mesra yang digunakan dalam watak-watak Zootopia dalam berkomunikasi. Pembuktian data yang memendekkan perkataan boleh menjadi bukti bahawa bahasa slanga berperanan untuk memendekkan ayat dan menjadikan ayat tersebut mudah untuk diujarkan.

Kajian oleh Thobias Sarbunan (2020) memberi fokus kepada satu perkataan iaitu ‘*Anjay*’ yang mana secara dasarnya ianya menjadi polisme. Menurut pengkaji, penggunaan bahasa slanga ini lebih menyerlah digunakan oleh golongan muda sebagai cara berkomunikasi dalam bersosial. Pengaplikasian slanga dalam kehidupan harian telah menjadi simbol kepada kebebasan bertutur, trend pengajaran, keunikan dalam satu-satu kelompok masyarakat, dan kehidupan moden. Kesemua faktor tersebut telah mempengaruhi penggunaan perkataan slanga. Di samping itu, kajian juga mendapati pengguna perkataan tersebut berasa selesa menuturnannya, malahan ada juga penutur yang menjadikan ‘*Anjay*’ sebagai bahan lawak. Selain daripada itu juga, segelintir masyarakat Indonesia terutamanya golongan muda menggunakan perkataan ‘*Anjay*’ yang mana ianya dipersembahkan sebagai keseronokan, kegirangan, dan sesuatu yang normal untuk diujarkan. Antaranya, slanga ialah bahasa yang dipendekkan dan bersifat dinamik. Selain itu, bahasa slanga juga dianggap sebagai simbol kebebasan berbahasa.

Kajian Norsyahira Mohd Ghazali & Nur Nabilah Abdullah (2021) mengkaji bahasa slanga di media sosial oleh golongan muda di Malaysia, menurut perspektif sosiolinguistik. Peningkatan bilangan golongan muda sebagai pengguna media sosial telahpun berjaya membentuk komuniti maya terbesar di dunia. Keadaan inilah yang menjadi kemunculan penggunaan bahasa slanga di internet sebagai bentuk linguistik baharu dalam komunikatif rangkaian sosial kini. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji jenis dan fungsi penggunaan slanga di Twitter dan TikTok dalam kalangan belia Malaysia. Hasil kajian ini, pengkaji telah menemui sebanyak 17 data slanga yang mana lapan daripadanya adalah slanga primer, dan selebihnya ialah slanga sekunder. Kajian juga telah mendapati bahawa golongan muda di Malaysia menggunakan bahasa tersebut di media sosial adalah untuk menyampaikan sesuatu dengan cepat dan berkomunikasi secara rahsia. Pengkaji telah menyenaraikan mengenai rujukan bahasa slanga. Pengkaji juga telah membahagikan hasil data tersebut mengikut kategori iaitu slanga primer dan juga slanga sekunder. Terdapat lapan data yang diperoleh. Antaranya ialah *tapau*, *bapak*, *geez*, *syok*, *koyak*, *gostan*, *payung*, dan *pishang*. Himpunan data slanga primer ini diperoleh berdasarkan pemerhatian dan penelitian pengkaji di media sosial seperti *TikTok* dan *Twitter*. Antara data slanga sekunder yang diperoleh ialah *bocah*, *noob*, *cable*, *boss*, *GGWP*, *sia*, *Se7*, *lincah*, dan *kerek*. Misalnya perkataan *bocah* yang dilabel sebagai slanga sekunder. Hanya sebilangan sahaja yang memahami perkataan tersebut iaitu seperti komuniti

permainan atas talian. Bocah bermaksud perkataan yang digunakan oleh pemain permainan atas talian sebagai sindiran kepada pemain lain.

## METOD KAJIAN

Bailey et.al (2019) telah menyatakan kepentingan kaedah kajian dalam penentuan kejayaan dalam satu-satu kajian tersebut. Hal ini kerana melalui aspek kaedah kajian inilah output kajian dalat dihasilkan. Output yang dihasilkan itulah, pengkaji berupaya membuat keputusan mengenai hipotesis yang dinyatakan oleh pengkaji lain. Menurut Mohd Shafiee A. Bakar (1995), beliau mendefinisikan kaedah kajian ini sebagai unit yang berkesan, dan boleh digunakan untuk menambahkan lagi pengetahuan manusia. Berdasarkan kajian yang dijalankan fenomena bahasa slanga yang terdapat dalam novel *Kelabu* (2011) dan kesannya terhadap kadaulatan bahasa Melayu, Kajian telah memanfaatkan metod campuran untuk mengisi kelomongan kajian lepas. Selaras dengan penyataan Neuman (2000) iaitu kajian yang terbaik ialah kajian yang menggabungkan ciri-ciri berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Oleh hal yang demikian, pendekatan ini juga menjadi pilihan pengkaji kerana ianya dilihat lebih sesuai untuk mendapatkan data yang lebih kukuh.

Selain itu, metod kualitatif telah diaplikasikan dalam melaksanakan kajian. Menurut Bayman (2008), kaedah kualitatif akan memberi fokus kepada data dalam bentuk kata, berbanding dengan penggunaan data yang melibatkan pengiraan. Kamarul Azmi Jasmi (2012) juga berpandangan kualitatif melibatkan data yang tidak berstruktur dengan cara temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Analisis dokumen ialah kaedah kajian selain etnografi, teori berbalas atau berlandas, fenomenologi, dan kajian yang digunakan untuk tujuan menganalisis data dokumen, dan temubual berbentuk teks sejarah, (Shannon 2007). Dalam kes kajian ini, pengkaji juga memanfaatkan kaedah kualitatif yang memberi tumpuan kepada analisis dokumen. Hal ini kerana pengkaji menjadikan novel *Kelabu* (2011) sebagai medium kajian bagi menganalisis data pada bahagian objektif satu dan dua kajian. Justifikasi bagi pemilihan novel ini ialah *Kelabu* mendapat sambutan hangat daripada pembaca. Buktinya pada tahun 2011, novel ini telah habis dijual dan mampu diulangcetak pada tahun seterusnya iaitu 2012 hingga kini. Jumlah ulangcetak bagi karya Nadia Khan ialah sebanyak 21 kali. Selain itu, novel ini juga pernah menduduki tangga keempat dalam carta 15 buku terbaik Pesta Buku Selangor 2021. Walaupun novel *Kelabu* ini telah lama diterbitkan, ianya tetap menjadi kegemaran pembeli dan pembaca. Selain itu juga, novel *Kelabu* karya Nadia Khan juga telah tersenarai dalam novel Fixi paling laris mingguan iaitu pada 9 hingga 15 Ogos 2021.

Bagi metod kuantitatif pula, pengkaji mengaplikasikan metod tersebut demi memperoleh data bagi objektif ketiga iaitu menganalisis tahap penerimaan dan kesan penggunaan slanga dalam novel. Hal ini kerana penelitian ini mampu menilai tahap kadaulatan dan mutu bahasa Melayu. Kaedah ini digunakan pengkaji dengan berlandaskan daripada instrumen kajian iaitu soal selidik berbentuk terbuka dan tertutup. Menurut Cohen (1992), kajian kuantitatif boleh dirujuk sebagai kajian yang menggunakan statistik yang melibatkan responden yang banyak. Penggunaan borang soal selidik bertujuan untuk mengetahui pandangan golongan muda mengenai kesan penggunaan bahasa slanga dalam novel terhadap mutu dan kadaulatan bahasa Melayu. Hasil kutipan data tersebut akan dilaksanakan secara deskriptif melalui analisis berkomputer iaitu *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Sehubungan dengan itu, pengkaji juga akan menggunakan jadual dan graf sebagai medium visual bagi menyokong keterangan bagi dapatan hasil kajian.

Seterusnya, kajian kepustakaan juga telah digunakan demi menambah idea bagi melengkapkan kajian. Kaedah kepustakaan merujuk kepada usaha pengkaji meneroka, memperoleh dan memanfaatkan maklumat penting dan relevan dengan membaca bahan-bahan yang sedia ada seperti buku, jurnal, artikel, forum dan sebagainya. Maklumat yang diperoleh

daripada bahan tersebut akan diteliti bagi menjadikan ia kandungan dalam kajian semasa. Penelitian terhadap dokumen tersebut adalah untuk mendapatkan fakta-fakta berkenaan dengan kajian semasa di samping untuk menghindari masalah atau kelomongan yang terdapat dalam kajian lepas. Antara dokumen, buku, jurnal, dan kajian ilmiah (tesis) yang menjadi sumber kepada pemerolehan data dalam kajian ini ialah salah satunya ialah novel *Kelabu* dan *Tesis Penggunaan Bahasa Slanga dalam Novel Awek Chuck Taylor*, dan sebagainya.

## PERBINCANGAN

Bailey et.al (2019) telah menyatakan kepentingan kaedah kajian dalam penentuan kejayaan dalam satu menjalankan kajian. Bahagian ini akan melaporkan serta membincangkan hasil kajian yang telah diperoleh daripada kaedah analisis iaitu novel bebas (*Kelabu* 2011). Selain itu, kaedah penganalisisan daripada soal selidik juga telah dijalankan. Hasil kutipan data daripada soal selidik telah memperoleh seramai 66 orang responden. Dapatan kajian yang diperoleh ialah berdasarkan hasil kutipan data melalui bahan novel pilihan pengkaji iaitu novel *Kelabu* (2011). Kajian ini juga telah dianalisis dengan menggunakan sistem *Statistical Package for Social Science (SPSS)*, versi 28.0.1.1 (15). Pada bahagian ini juga, pengkaji akan menyenaraikan kata slanga yang terdapat dalam novel *Kelabu* 2011) karya Nadia Khan. Penelitian data bagi slanga yang terdapat dalam novel ini dapat menentukan kelas iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata tugas serta makna kata yang digunakan pengkaji. Makna daripada data slanga tersebut telah diperoleh daripada kajian lepas iaitu kajian NirFaiszah Arbain & Sa'adiah Ma'alip (2017).

Merujuk kepada Jadual 1 di bawah menunjukkan slanga iaitu terdiri daripada kata nama yang terdapat dalam novel *Kelabu*. Antara data yang diperoleh berdasarkan novel ialah *Minah*, *Awek*, *Mamat*, *Member*, *Siot*, *Bebeh*, *Kiddo*, *Kantoi*, *Klik*, *Jadah*, *Lauk free*, *Lauk Nasik Sayur*, *Cenggini*, *Cenggitu*, dan juga *Slenga*.

JADUAL 1 – Istilah slanga kategori kata nama yang terdapat dalam dalam novel *Kelabu*

ISTILAH SLANGA	MUKA SURAT	MAKSUD
Minah	10, 221, 237, 242, 253, 257, 441	Merujuk kepada seorang perempuan
Awek	15, 19, 28, 203, 205, 208, 213, 215, 228, 233, 234, 239, 244, 257, 438, 450, 455	Merujuk kepada seorang perempuan ataupun teman wanita
Mamat	15, 30, 207, 209, 210, 212, 437, 438, 440, 450	Seorang lelaki
Member	16, 203, 253	Kawan
Siot	17, 216, 253	Sial
Bebeh	22	Baby/babe
Kiddo	23, 27, 229	Anak
Kantoi	17, 258	Pecah rahsia sesuatu perkara yang hendak disembunyikan
Klik	11	Sekufu
Jadah	13	Hal
Lauk free	17	Godaan daripada perempuan
Lauk, nasik, sayur	17	Aktiviti sumbang laku
Cenggini	16	Begini/ Macam ini
Cenggitu	229	Begitu/Macam itu
Slenga	204	Reaksi muka yang tidak menggambarkan apa-apa perasaan

JADUAL 2 – Istilah slanga kategori kata ganti nama yang terdapat dalam dalam novel *Kelabu*

<b>ISTILAH SLANGA</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>MAKSUD</b>
Diorang	13, 14, 206, 213, 219, 225, 233, 248, 249, 442	Singkatan bagi ‘dia’ dan ‘orang’ yang merujuk kepada kata ganti nama diri ketiga ‘mereka’
Korang	16, 28, 454	Singkatan bagi ‘kau’ dan ‘orang’ yang merujuk kepada kata ganti nama diri kedua ‘kamu/kalian’
Kitorang	18, 204, 226, 232, 237, 239, 245, 246, 445	Singkatan bagi ‘kita’ dan ‘orang’ yang merujuk kepada kata ganti nama diri pertama ‘kami’
Lu	15	Kata ganti nama diri kedua
Gua	15	Kata ganti nama diri pertama

Seterusnya, jadual 2 di atas memaparkan data berkaitan dengan kata ganti nama yang mana ianya merupakan sebahagian daripada kata nama. Menurut Maslida Yusof (2018), kata ganti nama diri ialah kata yang digunakan dalam komunikasi untuk menggantikan nama orang yang melibatkan penutur, pendengar, dan juga sasaran. Tambahan beliau lagi, kata ganti nama diri terdiri daripada kata kata ganti diri orang pertama (saya, aku), kata ganti nama diri orang kedua (awak, engkau), dan kata ganti nama diri orang ketiga (mereka, ia). Setelah penelitian yang dilakukan, pengkaji mendapati himpunan data yang diperoleh telah menunjukkan bahawa pengkaji novel memasukkan perkataan slanga yang terdiri daripada kata ganti nama diri, dan juga kata ganti nama tanya. Antara data yang diperoleh berdasarkan novel ialah *Diorang*, *Korang*, *Kitorang*, *Lu*, dan *Gua*,

JADUAL 3 – Istilah slanga kategori kata kerja yang terdapat dalam dalam novel *Kelabu*

<b>ISTILAH SLANGA</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>MAKSUD</b>
Dok	13, 31, 205, 209, 258	Sedang
Bambu	15	Dimarahi
Usha	19, 27, 205, 247, 258	Memandang atau melihat seseorang dengan bertujuan untuk memikat
Bantai	210	Lakuan memukul/belasah
Jeles	226, 255	Singkatan daripada perkataan Inggeris iaitu <i>Jealous</i> bermaksud cemburu
Sangkut	234	Menjalinkan hubungan
Fly solo	437	Bergerak secara sendiri
Kemon	437	Gabungan perkataan Inggeris iaitu <i>Come on</i> yang bermaksud marilah
Cair	12	Tergoda

Selanjutnya, jadual di atas memaparkan data yang tergolong dalam kata kerja yang terdapat dalam novel. Antara contoh data slanga yang diperoleh ialah *Dok*, *Bambu*, *Usha*, *Bantai*, *Jeles*, *Sangkut*, *Fly Solo*, *Kemon*, dan *Cair*.

JADUAL 4 – Istilah slanga kategori kata adjektif yang terdapat dalam dalam novel *Kelabu*

<b>ISTILAH SLANGA</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>MAKSUD</b>
Panas	11	Perasaan marah
Cun	15, 28, 450	Cantik

Giler	17, 27, 205, 439	Kata penguat belakang seperti ‘sekali’
Hensem	20, 223, 246, 254, 454	Singkatan daripada perkataan Inggeris iaitu <i>Handsome</i> merujuk kepada seorang yang tampan
Sound	24	Memberitahu
Budget	203, 216, 241	Perasan
Bapak	206, 226, 242	Sangat
Mereng	450	Gila
Cun-melecun	456	Sangat cantik

Di samping itu, jadual di atas menunjukkan himpunan data slanga kategori kata adjektif yang terdapat dalam novel. Dalam konteks ini, istilah slanga yang terdapat dalam jadual di atas merujuk kepada kata adjektif. Namun demikian, hasil pemerhatian, perkataan-perkataan tersebut/ Buktiunya, dalam laman web PRPM <https://prpm.dbp.gov.my/> perkataan bapa merujuk kepada bapa dan lazimnya menjadi ketua dalam keluarga. Dalam konteks slanga yang terdapat dalam novel *Kelabu* pula merujuk kepada perkataan bapak telah dikategorikan sebagai kata adjektif mengikut konteks ayat. Hal ini kerana ‘bapak’ dalam novel ini merujuk kepada kata penguat ‘paling’. Contohnya ‘*bapak besar siot!*’ yang memberi maksud sangat besar atau paling besar. Antara contoh lain yang diperoleh ialah Bapak Hebat! *Panas, Cun, Giler, Hensem, Sound, Budget, Mereng, dan Cun-melecun*.

### **KESAN PENGGUNAAN BAHASA SLANGA DALAM NOVEL YANG BOLEH MENJEJASKAN MUTU BAHASA MELAYU**

Antara kesan pertama yang mana ianya dipersetujui hampir separuh daripada responden kajian iaitu penggunaan bahasa slanga dalam novel ini mampu mencemarkan kedaulatan bahasa Melayu. Hal ini kerana pada hemat pengkaji, penggunaan bahasa slanga dalam novel ini telah bercampur aduk dengan bahasa standard. Hal ini selaras dengan Anwar Ridhwan (2019), beliau berpendapat karya bebas yang memendekkan perkataan, dan penggunaan slanga boleh menjelaskan kemurnian bahasa Melayu. Sudah sedia maklum, setiap bahasa mempunyai lenggok bahasanya yang tersendiri. Sebagai contoh, dalam bahasa Melayu standard menggunakan ayat yang sempurna strukturnya iaitu terdiri daripada subjek dan predikat dan mudah difahami. Apabila bahasa tersebut mendapat pengaruh slanga, maka boleh menghasilkan ayat yang kasar dan tidak menyenangkan. Lakuan ini tidak menjadi isu apabila bahasa tersebut digunakan hanya dalam kelompok sahaja. Namun, sekiranya penggunaan slanga tersebut digunakan dalam semua pengkajian novel, maka ianya boleh menimbulkan persepsi yang negatif terhadap pembaca yang bukan dalam kalangan pembaca novel bebas. Natijahnya, keadaan ini telah menghilangkan aspek kesopanan dalam pengkajian. Antara contoh ayatnya ialah “*Bapak besar siakk!*”. Pencampuran penggunaan bahasa sama ada secara lisan dengan tulisan secara tidak langsung telah menggambarkan keaslian bahasa Melayu tercabar kedaulatannya. Selaras dengan penyataan Anwar Ridhwan & Ariff Moohammad (2022), karya bebas telah mengabaikan nilai bahasa.

Seterusnya, hasil penelitian juga mendapati penggunaan bahasa slanga dalam novel ini juga telah mewujudkan pelbagai istilah baru. Kewujudan istilah baru ini juga boleh dikaitkan dengan ‘trend’ semasa. Selaras dengan ciri slanga itu sendiri yang dikatakan menjadi fesyen berbahasa (Zuraidah Mohd Sulaiman 2016). Hasil kajian juga telah mendapati pengkaji memasukkan istilah slanga yang banyak dalam pengkajian novel. Hal ini kerana pengkaji novel ingin menghidupkan watak, serta mendekati pembaca dengan cara memberikan situasi dan perbualan seperti dalam kehidupan sebenar. Oleh itu, jelaslah bahawa penggunaan bahasa slanga memberi kesan terhadap penambahan istilah slanga. Sebagai contoh, *hesmes, slenge, dun, siot*, dan sebagainya.

Di samping itu, kesan penggunaan bahasa slanga dalam novel juga boleh melenyapkan penggunaan bahasa Melayu standard. Keadaan ini boleh dilihat dengan kemajuan dan kepesatan syarikat-syarikat penerbitan karya indie seperti *Buku Fixi*, *Dubook*, *PTS Publication* dan sebagainya. Hal ini juga telah menunjukkan bahawa semakin ramai yang dapat menerima gaya pengkajian dan penyampaian novel bebas. Gaya pengkajian yang sudah terang-terangan dinyatakan pada bahagian depan novel bebas, terutamanya Buku Fixi iaitu tidak akan mementingkan aspek tatabahasa, dan bahasa. Sekiranya keadaan ini berlarutan dan berleluasa, maka ianya boleh menjurd kepada kelenyapan bahasa Melayu standard.

Selain itu, penggunaan slanga dalam novel juga boleh menyebabkan kekeliruan bahasa. Hal ini kerana ada kata slanga yang mempunyai maksud yang jauh bezanya dengan makna asal dalam bahasa Melayu standard. Kekeliruan ini juga muncul kerana istilah slanga yang diwujudkan oleh satu-satu kelompok ini unik dan hanya mereka sahaja memahami berkenaan dengan makna bagi istilah tersebut. Pada pandangan pengkaji, slanga dalam novel sememangnya boleh menimbulkan kekeliruan terhadap pembaca serta memberi kesan bahasa Melayu. Keadaan ini boleh menjurus ke aras negatif sekiranya tiada pemantauan terhadap jumlah penggunaan slanga dalam satu-satu novel. Seandainya bahasa slanga kian diterima untuk digunakan oleh masyarakat, maka ianya akan mencabar kedaulatan bahasa Melayu. Keindahan bahasa Melayu juga kian luntur disebabkan pengaruh slanga yang bersifat urban, dan kasar.

Di samping itu, penggunaan slanga dalam novel juga mampu memberi kesan terhadap gaya pengkajian ilmiah. Selaras dengan pernyataan daripada kajian daripada Mohd Nazmi Yaakub (2016), pengkajian indie tidak mementingkan mutu penggunaan bahasa Melayu yang betul. Oleh hal yang demikian, mutu kandungannya tidak lagi dianggap sebagai bahan yang berkualiti kerana hasilnya yang lebih rendah berbanding sastera yang asli. Pengkajian novel bebas telah memasukkan unsur prencampuran bahasa iaitu bahasa slanga, Inggeris, dan juga bahasa tabu. Penggunaan bahasa sedemikian telah menghilangkan keaslian dan keindahan bahasa Melayu. Secara umumnya, bahasa Melayu menjadi bahasa yang indah untuk dituturkan kerana kesopanannya. Namun, penggunaan slanga yang terlalu banyak dalam novel telah menyebabkan keaslian dan kesopanan bahasa tersebut kian hilang. Pada hemat pengkaji, keadaan ini akan memberi kesan yang lebih teruk sekiranya pembaca novel bebas mengaplikasikannya dalam pengkajian, terutamanya dalam pengkajian ilmiah.

Hasil kajian juga telah mendapati penggunaan bahasa slanga dalam novel juga boleh mempengaruhi gaya percakapan pembaca. Penyingkatan perkataan tersebut menjadi semakin popular dan telah mempengaruhi penutur untuk mengujarkannya ketika berkomunikasi dalam kelompok tertentu. Tambahan lagi, penggunaan slanga dalam novel juga boleh mempengaruhi gaya pecakapan pembaca kerana sudah menjadi lumrah kepada manusia yang cenderung untuk menyingkatkan perkataan dalam pertuturan.

Akhir sekali, kesan yang diperoleh daripada hasil kajian ialah penggunaan slanga dalam novel telah mewujudkan ruang revolusi terhadap kajian bahasa. Seiring dengan perkembangan masa, maka bahasa slanga juga telah melalui perkembangannya yang tersendiri. Kewujudan ruang revolusi kajian bahasa ini juga disebabkan oleh peningkatan penutur bahasa slanga dan juga kewujudan pelbagai istilah slanga yang baru. Istilah-istilah baru tersebut wajar dikaji dengan lebih mendalam. Maksud, kelas kata, dan sebab kemunculannya boleh diselami untuk mendapatkan maklumat baru berkenaan dengan aspek istilah slanga. Selain itu juga, slanga juga yang bersifat dinamik. Oleh itu, kajian yang bersifat konsisten patut dilakukan kerana selaras dengan ‘trend’ penggunaan bahasa slanga dalam novel itu juga boleh membawa maksud yang berbeza dengan maksud yang sedia ada. Jelaslah bahawa, kewujudan peluang terhadap revolusi kajian bahasa menjadi salah satu kesan kepada penggunaan bahasa slanga dalam novel.

## PANDANGAN PEMBACA NOVEL TENTANG PENGGUNAAN BAHASA SLANGA DALAM NOVEL YANG BOLEH MENJEJASKAN MUTU BAHASA MELAYU

Isu bahasa slanga yang terdapat dalam novel telahpun menjadi satu elemen yang diberi perhatian kerana ianya didapati memberi kesan terhadap kedaulatan dan mutu bahasa Melayu. Pada bahagian ini, himpunan data yang diperoleh daripada soal selidik akan membincangkan mengenai pandangan pembaca novel bebas terhadap penggunaan bahasa slanga dalam novel ini mampu menjelaskan mutu bahasa Melayu atau sebaliknya.




RAJAH 1: Penggunaan bahasa slanga yang tidak dipantau menyukarkan pihak berwajib memartabatkan bahasa Melayu

Hasil daripada dapatan yang diperoleh, pengkaji mendapati bahawa pembaca novel bebas ini masih sedar akan penggunaan bahasa slanga dalam novel mampu memberikan kesan negatif terhadap mutu bahasa Melayu. Rata-rata responden kajian sangat setuju dengan pernyataan yang telah ditanya dalam soal selidik iaitu penggunaan bahasa slanga yang tidak dipantau akan menyukarkan pihak kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu. Kekerapan penggunaan bahasa slanga ini mampu memberi pengaruh kepada golongan pembaca, terutamanya golongan muda kerana ianya dilihat sebagai ‘trend’ dalam komunikasi lisan dan tulisan. Keadaan ini juga secara tidak langsung menyukarkan pihak kerajaan yang menyasarkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia.



RAJAH 2: Penggunaan bahasa slanga dalam menghakis kedaulatan bahasa Melayu


Selain itu, responden juga bersetuju dengan lontaran pandangan yang mana bahasa slanga dalam novel ini akan menghakis penggunaan bahasa Melayu standard. Hal ini kerana dalam perkembangan dunia kini, pembaca yang terdiri dalam kelompok muda menjadikan novel bebas sebagai pembacaan pada masa lapang. Melalui pembacaan tersebut, mereka terdedah dan terpengaruh untuk menggunakan bahasa tersebut secara lisan, terutamanya apabila bertutur sesama mereka. Lakuan tersebut sememangnya akan memberikan kesan terhadap kedaulatan bahasa Melayu kerana rata-rata golongan pembaca tidak menggunakan bahasa Melayu dengan penuh kesopanan.



RAJAH 3: Kewajaran mewujudkan entri kamus yang memfokuskan kategori slanga

Seterusnya, selaras dengan penerimaan orang ramai terhadap penggunaan bahasa slanga, makanya ada segelintir responden yang sangat setuju mengenai pewujudan entri kamus yang memfokuskan kategori slanga sahaja. Keadaan ini telah menunjukkan bahawa penggunaan slanga dan kewujudan pelbagai istilah baru sudah semakin bertambah. Oleh itu, responden

berpandangan bahawa mewujudkan entri slanga menjadi inisiatif kepada orang ramai untuk memahami istilah slanga. Lakan ini juga telah menunjukkan penerimaan orang ramai terhadap penggunaan slanga semakin diterima, namun pada masa yang sama ianya juga akan memberikan kesan negatif kepada kedaulatan bahasa Melayu kerana apabila slanga telah dinormalisasikan dalam pertuturan dan juga dalam tulisan, maka aspek kesopanan dalam berbahasa akan berkurang.



RAJAH 4: Kesesuaian bahasa slanga digunakan dalam situasi tidak rasmi

Selanjutnya, responden juga sangat setuju dengan penggunaan bahasa slanga hanya pada situasi tidak rasmi. Pandangan responden terhadap penggunaan slanga ini menunjukkan bahawa mereka masih lagi sedar akan kepentingan pemisahan penggunaan bahasa slanga mengikut situasi. Hal ini kerana, pengaplikasian slanga yang berleluasa dalam novel juga boleh menjurus kepada pengaruh masyarakat untuk turut menggunakan bahasa slanga dalam situasi rasmi. Ekoran daripada lakukan itu, kedudukan bahasa Melayu juga secara tidak langsung akan terjejas.



RAJAH 5: Penggunaan slanga dalam novel akan mempengaruhi penyebaran bahasa slanga

Di samping itu, penggunaan bahasa slanga dalam novel juga akan mempengaruhi penyebaran bahasa tersebut. Kepelbagaiannya istilah slanga yang muncul dalam pengkajian novel ini juga mampu menjadi penarik kepada penggunaan bahasa tersebut. Penyebaran bahasa slanga juga sekaligus menimbulkan kerisauan terhadap penyebarannya kerana bahasa slanga dilihat menjadi bahasa pengantaraan dalam novel, serta secara lisan. Penggunaan bahasa tersebut secara lazimnya akan membantu penyebaran bahasa slanga kepada kelompok lain. Seiring dengan perkembangan zaman, bahasa slanga boleh menjadi bahasa yang digunakan oleh ke semua lapisan masyarakat.



RAJAH 6: Pendidik memainkan peranan penting dalam membendung penggunaan slanga yang berleluasa dalam novel

Peranan pendidik bahasa Melayu memainkan peranan penting, menjadi pandangan daripada responden terhadap pembendungan penggunaan slanga dalam novel. Hasil kajian mendapati rata-rata responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Tidak dinafikan bahawa, pendidik sememangnya mempunyai peranan yang signifikan terhadap pembendungan ini. Namun, pada pendapat pengkaji, bukan hanya peranan pendidik yang perlu menjadi keutamaan dalam membanteras penggunaan bahasa slanga yang berleluasa dalam novel. Sekiranya penggunaan bahasa slanga dalam novel menjadi bahasa primer dalam pengkajian novel, maka semua pihak perlulah mengambil inisiatif dalam memartabatkan bahasa Melayu standard. Lakuan ini boleh dilaksanakan seandainya kerjasama semua pihak saling berganding bahu. Sebagai contoh, pihak kerajaan memberikan insentif terhadap pelajar untuk membeli buku ilmiah dan pelajaran, maka sebagai pelajar yang merangkap sebagai ahli masyarakat sewajarnya menggunakan bantuan tersebut dengan hanya membeli buku berkaitan. Pergandingan antara kedua-dua pihak dapat membantu untuk menggalakkan pembacaan buku bersifat ilmiah, dan secara tidak langsung dapat membendung penggunaan slanga dalam pertuturan, dan juga di bahan bertulis.



RAJAH 7: Kewajaran kata slanga yang sudah dinormalisasi diberi kelonggaran dalam penulisan ilmiah

Akhir sekali, dalam hasil dapatan daripada soal selidik, hanya ada satu pandangan daripada responden yang memilih tidak setuju dengan pernyataan yang diberikan. Pernyataan tersebut ialah kewajaran kata slanga yang sudah dinormalisasikan boleh diberi kelonggaran dalam pengkajian ilmiah. Oleh itu, pengkaji berpendapat mereka masih lagi sedar akan kepentingan dan kualiti bahasa Melayu standard dalam pengkajian yang bersifat ilmiah. Kelonggaran perkataan slanga yang sudah dinormalisasikan itu hanya boleh diterima dalam penggunaan situasi tidak rasmi dalam tulisan yakni dalam pertuturan.

## KESIMPULAN


Secara kesimpulannya, penggunaan bahasa slanga dalam novel ini bukanlah menjadi satu fenomena asing lagi. Hal ini kerana kewujudannya yang telah lama wujud dan semakin digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat. Fenomena ini juga dapat dilihat melalui penggunaan slanga dalam novel kini dalam hasil karya mereka. Oleh hal yang demikian, hasil dapatan kajian ini telah berjaya menjawab persoalan kajian yang telah pengkaji tetapkan iaitu meneliti makna dan kelas kata slanga, serta mengetahui kesannya terhadap kedaulatan bahasa Melayu. Keseluruhananya, pengkaji dapati dalam novel *Kelabu* (2011) ini menggunakan pelbagai istilah slanga. Daripada penggunaan istilah-istilah slanga tersebut mempengaruhi pembaca untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Pengaplikasian tersebut boleh berasaskan dua kaedah iaitu sama ada dalam tulisan, mahupun lisan. Istilah slanga yang dianggap lebih kasar seperti *siak*, *bapak*, dan sebagainya ini telah menghilangkan kesopanan dalam berkomunikasi. Sehubungan dengan itu, kesan yang diperoleh daripada kajian juga lebih ke arah negatif kerana penggunaan bahasa slanga yang berlebihan sama ada dalam novel ataupun lisan boleh memberi kesan terhadap bahasa Melayu. Oleh itu, diharapkan kajian yang melibatkan penggunaan slanga dalam novel dimajukan serta langkah penyelesaian bagi isu ini juga dapat dilaksanakan.

## RUJUKAN

- Cohen et.al. 1992. Statistical power analysis. *Current Directions un Psychological Science*, 1(3), 98-101.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2017. web PRPM <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Fixi. 2013. Statistik jualan di popular berbanding kedai online Buku Fixi. <https://fixi.com.my/blog> (diakses pada 16 Februari).
- J. Lyons. 1968. Introduction Theoretical Linguistics. London Cambridge University Press
- Latifah. 2022. Karya Indie Abai Nilai Bahasa.  
<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/01/115468/karya-indie-abai-nilai-bahasa>  
(diakses pada 7 Disember).
- McArthur. 1996. The Ofxord Companionto the Englisd Language.
- Mohd Rozaimy Ridzuan. 2020. Slanga jejas peluang dan status.  
<https://www.hmetro.com.my/rencana/2020/08/613716/slanga-jejas-peluang-status>  
(diakses pada 14 Februari 2022)
- Mohd Shafiee Abu Bakar. 1995. *Kaedah kajian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Nor Syafizza Binti Ahmad Tarmizi. 2019. Penggunaan dan Penerimaan bahasa Slanga dalam novel bebas di Malaysia. *Acedemia Journal*, 8(1)
- Norshahira Mohd Ghazali, et.al. 2021. Slang Language Use in Social Media Among Malaysian Youths: A Sociolinguistic Perspective. *International Young Scholars Journal of Languages* 4(2).
- Nurhafizah Maidin. 2019. Karya Bahasa Rojak Jejas Generasi Muda.  
<https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/03/538402/karya-bahasa-rojak-jejas-generasi-muda>  
(Diakses pada 7 Disember)
- Nuraini Yusuf, Marzalina Mansor, Nasihah Hashim, Faizah Ahmad & Ainal Akmar Ahmad. 2005. Pencemaran bahasa di televisyen: Pengacaraan rancangan hiburan. Laporan Penyelidikan Universiti. Universiti Utara Malaysia
- Sarbunan T. 2020. The Viral of Anjay Wold: Indonesia Slang (Literature Study of Slang). *Journal: OSF* 1 (14).
- Tuti Alawiyah Panjaitan. 2017. An Analysis of Slang Language in Zootopia Movie. Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Wiratno & Santosa. 2014. Bahasa, fungsi bahasa, dan konteks sosial. *Modul Pengantar Linguistik Umum*, 1(19).
- Zuraidah Mohd Sulaiman. April, 2016. Slanga mengupayakan kreativiti berbahasa remaja Melayu dan Cina (Bahagian 2). *Dewan Bahasa*, 16 (4). 22-25.
- Zuraidah Mohd Sulaiman. Mac, 2016. Slanga mengupayakan kreativiti berbahasa remaja Melayu dan Cina (Bahagian 1). *Dewan Bahasa*, 16 (3). 22-25.

## LAMPIRAN

Muka depan dan belakang novel berjudul Kelabu



### Biodata Penulis:

**Rossliana Binti Roslan** merupakan mahasiswa di Pengajian Bahasa Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Sa'adiah Ma'alip** (PhD) merupakan Ketua Program Pengajian Bahasa Melayu dan pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Sosiolinguistik.